



PERANAN EKONOMI HIBRID

DALAM MENANGANI KRISIS EKONOMI

Situasi ekonomi pada hari ini adalah tidak menentu dengan pasaran barangan dengan kos yang semakin meningkat. Keadaan ini memberikan impak kepada pembangunan sosioekonomi di sesebuah negara.

situasi ekonomi semasa dunia telah meletakkan potensi untuk keperluan bagi menguruskan lebih daripada dua bentuk model ekonomi terutama mengalihkan sumber yang boleh digunakan demi kebaikan kepada negara dan rakyat. Model ekonomi hibrid dapat berfungsi dengan baik apabila keseimbangan antara semua komponen model ekonomi dikekalkan. Manakala ekonomi sekunder dalam komponen tersebut digalakkan secara aktif, dan tumpuan pada tindakan dalam bidang kuasa kerajaan amat penting supaya dapat membantu untuk meminimumkan peluang untuk menjadi model ekonomi yang mampan kepada kemajuan teknologi dan pengaruh faktor lain yang akhirnya boleh memberikan manfaat kepada rakyat.

Dalam situasi terbaik, ekonomi hibrid akan menggunakan kekuatan pada setiap komponen model ekonomi yang terlibat sambil meminimumkan kelemahan yang wujud dalam mana-mana pendekatan sistem pasaran model ekonomi yang telah digunakan. Sebagai contoh, sistem model ekonomi yang bertunjangkan asas agraria dan elemen pembuatan boleh mencapai keseimbangan bagi membolehkan orang yang tinggal di sesebuah negara menikmati buah-buahan, sayur-sayuran, daging dan produk tenusu yang mencukupi untuk dimakan dan membuat pelaburan pada masa yang sama. Sementara itu, kaedah penggunaan ini bercampur-campur antara lebih daripada dua sistem model ekonomi yang akan memastikan bahawa barangan lain boleh dikeluarkan pada skala kos yang cekap dalam bidang kuasa swasta dan kerajaan. Hal ini disebabkan oleh sifat sistem model ekonomi campuran yang digunakan dalam ekonomi hibrid mampu mengurangkan kos input industri dan produktiviti pula dapat dipertingkatkan, sekali gus dapat memastikan supaya sektor keselamatan makanan adalah seimbang kepada pertambahan dan permintaan penduduk secara umumnya.

Campur tangan kerajaan dalam model ekonomi hibrid melalui model ekonomi campuran bertujuan untuk melibatkan firma dan isi rumah bagi memastikan pengagihan semula kekayaan sampai kepada mereka yang berhak. Manakala kerajaan turut menyokong penyediaan barangan awam dan membuat undang-undang untuk memperbaiki sosioekonomi masyarakat melalui mengenal pasti dan membetulkan ketidakadilan dalam sistem model ekonomi yang sedia ada. Hal ini menjurus kepada tindakan kerajaan dalam membuat dasar untuk melindungi harta benda, memelihara kebebasan pasaran, membawa keamanan dan melakukan campur tangan secara minimum dalam sistem model ekonomi hibrid.

A kibatnya satu sistem model ekonomi yang kebiasaannya digunakan oleh negara demokrasi seperti Malaysia kurang mampu untuk menangani krisis ekonomi yang telah melanda kebanyakan negara di dunia. Dewasa ini terdapat beberapa sistem model ekonomi yang pernah digunakan oleh negara ini seperti sistem model ekonomi campuran, model ekonomi Keynesian, model ekonomi liberalisasi, model ekonomi fiskal dan sebagainya.

Penyelesaian krisis ekonomi dunia pada hari ini memerlukan perubahan dan pembaharuan dalam dasar dan sistem model ekonomi yang digunakan bagi menangani permasalahan yang berlaku pada ketika ini. Perkembangan ekonomi dunia kini tidak boleh lari daripada model ekonomi gig. Hal ini menyebabkan penggunaan sistem model ekonomi hibrid menjadi keutamaan dalam sistem model ekonomi pada hari ini. Sistem model ekonomi hibrid ialah sebarang jenis sistem ekonomi yang melibatkan lebih daripada dua sistem model ekonomi yang berbeza dan model ekonomi gig menjadi terasnya. Ini adalah struktur yang agak berbeza sepanjang sejarah sistem model ekonomi umat manusia.

Terdapat beberapa penggunaan sistem tunggal model ekonomi pada hari ini dilihat kurang sesuai untuk menangani perubahan ekonomi disebabkan oleh perubahan dan perkembangan dalam teknologi, penemuan saintifik, atau situasi politik dan geopolitik yang kritikal. Maka

Malaysia merupakan sebuah negara demokrasi yang mengamalkan sistem federalisme dan peranan utama kerajaan adalah dalam pembangunan sosioekonomi rakyat supaya berkembang menjadi konsep ekonomi madani. Untuk menjayakan tindakan ekonomi madani, maka sistem ekonomi hibrid amat penting dan secara amnya bermaksud kerajaan aktif dan penyertaan langsung oleh kerajaan dalam meningkatkan ekonomi rakyat. Perkara ini memerlukan usaha kerajaan bagi memastikan kuasa pasaran dapat memenuhi matlamat pembangunan negara dan berlakunya keadilan sosial. Matlamat ini dapat dicapai dengan adanya sistem penimbal dan pengurusan sistem siling pasaran harga barangan yang efektif tanpa ada kelompangan pengaruh elemen kartel kapitalis yang menguasai sesuatu pasaran barangan.

Bagi menjayakan sistem kawalan harga siling, kerajaan boleh campur tangan ke atas pengeluar barangan komersial dan perkhidmatan melalui dasar kawal selia negara yang melibatkan sistem penetapan harga melalui penggunaan sistem penimbal dan penguatkuasaan peraturan yang mengawal dengan menggalakkan atau tidak menggalakkan aktiviti ekonomi pasaran bebas. Kerajaan perlu bertindak sebagai fasilitator bagi memastikan penyediaan pelbagai jenis barangan mengikut harga siling yang telah ditentukan. Dalam fungsi pendekatan sistem ekonomi hibrid, kerajaan memainkan peranan sebagai regulator, iaitu penyediaan barangan awam yang telah ditetapkan. Dasar liberalisasi ekonomi yang selama ini digunakan oleh negara kita perlu dinilai semula. Sebagai pengeluar barangan komersial dan perkhidmatan, pilihan utama yang dilaksanakan oleh kerajaan adalah untuk membenarkan kemasukan sektor swasta dalam aktiviti yang dihaskan untuk pemilikan awam supaya kepentingan awam tidak terjejas dengan pengaruh pasaran bebas.

Walaupun terdapat percubaan untuk mengurangkan peranan kerajaan sebagai 'pengeluar', selaras dengan itu terdapat dengan peraturan dalam beberapa dan pengembangan kerajaan sebagai pengawal selia. Kawalan selia ke atas liberalisasi ekonomi negara merupakan contoh terbaik apabila wujudnya keseimbangan dalam komponen sistem model ekonomi hibrid. Model ekonomi liberalisasi yang mementingkan pelabur dan pengguna, bagi menentukan harga barangan selalunya berlaku konflik kerana pelabur ingin membentuk situasi pasaran monopoli. Walaupun pada peringkat makro telah ada deregulasi oleh kerajaan, hal ini sering kali dipertikaikan bahawa masih



Ekonomi gig lebih fleksibel dan menjadi pilihan golongan muda untuk menerokainya.

banyak pelepasan kawal selia kerajaan yang diperlukan dalam mengawal harga barangan. Akibatnya menjejaskan kesan penuh kawal selia oleh fungsi kerajaan sebagai regulator.

Proses kerajaan adalah dengan memperluaskan peranan pengawalseliaan kadangkala digambarkan sebagai tidak lengkap dan tidak mencukupi atas alasan wujudnya kelemahan kerajaan disebabkan berlakunya elemen tertentu seperti kekurangan sumber manusia, kewangan atau aset yang diperlukan dalam kawal selia tersebut. Situasi ini mengganggu pelaksanaan tugas mereka dengan cekap dan berkesan dalam menjayakan dasar kawal selia. Kerajaan juga perlu memastikan penyediaan barang awam adalah relevan dan tidak semestinya melakukannya melalui penggunaan sektor swasta. Penyediaan barangan awam perlu ditakrifkan semula apa-apa yang terkandung untuk kebaikan awam yang sebenar. Kemudian mencari cara yang mana barangan awam sedemikian perlu dibiayai dan diperuntukkan oleh kerajaan supaya dapat memastikan pengagihan semula ekonomi yang lebih saksama. Hal ini bagi membolehkan kerajaan dapat memisahkan barangan awam untuk kebaikan awam yang sedia ada kepada orang ramai yang sebenar dan bukan dijadikan komponen komersial yang membebaskan rakyat. Ini bermakna kerajaan dan pihak swasta memiliki peranan yang sama dalam kegiatan perekonomian yang aktif dan saling melengkapi antara satu sama lain.

Gabungan model ekonomi gig ke dalam mana-mana sistem model ekonomi hari ini tidak dapat dielakkan terutama dalam waktu krisis ekonomi yang melanda seluruh dunia. Akibatnya, dalam sistem ekonomi hibrid yang melibatkan peranan kerajaan dan swasta juga turut melibatkan ekonomi gig ini. Hal ini bermakna sistem

ekonomi campuran yang digunakan satu masa dulu kini telah bertukar menjadi ekonomi hibrid kerana menggabungkan lebih dua bentuk model ekonomi terutama model ekonomi gig. Model ekonomi gig mempunyai kebaikan, iaitu dapat menghasilkan kepelbagaian pekerjaan secara fleksibel dan tidak berlakunya kebergantungan kepada model ekonomi tradisional. Pada hakikatnya, hal ini memerlukan campur tangan kerajaan dalam kawal selia dan kebajikan awam. Model ekonomi liberalisasi atau model ekonomi Keynesian kurang berkesan dalam menangani kenaikan kadar faedah, kadar inflasi dan kelembapan ekonomi disebabkan berlakunya ketegangan geopolitik dunia.

Impak daripada peperangan Ukraine dan Rusia telah menyebabkan harga pasaran bahan mentah terutama minyak dan gas naik mendadak. Malahan harga pasaran makanan seperti jagung, gandum, barli dan sebagainya turut meningkat sekali gus meningkatkan kadar inflasi kerana memberikan impak kepada kenaikan ke atas harga barangan lain seperti harga ayam, telur dan sebagainya. Tindakan dan peranan kerajaan amat penting dalam kawal selia melalui penggunaan sistem penimbal bagi mengawal harga barangan menyebabkan fungsi pendekatan kerajaan sebagai regulator dapat mengawal kenaikan harga barangan sekali gus mengawal kadar inflasi. Namun begitu, pada masa yang sama, kenaikan kadar OPR turut mempengaruhi pertumbuhan ekonomi mikro yang pada akhirnya akan menjejaskan model ekonomi gig dan Perusahaan Kecil Sederhana. Negara memerlukan satu pendekatan ekonomi hibrid yang menggabungkan antara semua kekuatan model ekonomi yang sedia ada ke dalam satu penyelesaian model ekonomi yang mampan dan memberikan manfaat kepada rakyat. □